

18 FEB 2001

Mahathir-Halim

TAN SRI ABDUL HALIM BERJAYA ATASI CABARAN PERKHIDMATAN AWAM

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Tan Sri Abdul Halim Ali berjaya mengatasi cabaran getir dalam perkhidmatan awam semasa menjadi Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Katanya, kegawatan ekonomi, globalisasi dan masalah perubahan ke alaf baru merupakan cabaran yang berjaya dipikul.

"Masa dia jadi KSN, kita menghadapi cabaran dalam profesionalisme perkhidmatan awam," katanya pada majlis Malam Kenangan Budi dan Jasa di sini bagi meraikan Abdul Halim yang tamat perkhidmatan sebagai KSN pada 31 Jan lepas.

Abdul Halim dilantik sebagai pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 1 Feb lepas. Jawatan KSN kini disandang oleh Tan Sri Samsudin Osman.

Dr Mahathir berkata semasa menghadapi cabaran profesionalisme perkhidmatan awam, banyak tindakan terpaksa dibuat seperti mengurangkan perbelanjaan, mengurus dan kakitangan dilarang bercuti ke luar negara sehingga menimbulkan rasa kurang senang di kalangan kakitangan.

Namun, Abdul Halim berjaya menenangkan kakitangan awam sehingga ekonomi negara pulih dan rakyat terus menyokong kerajaan, kata beliau.

Secara berseloroh, Dr. Mahathir berkata kini Abdul Halim mempunyai tanggungjawab ke atas satu tabung yang besar.

"KWSP kini mempunyai RM170 bilion. Kerajaan pun tidak ada wang sebegitu banyak. Kalau kita tidak percaya kepada Tan Sri Halim, mustahil kita nak letaknya di situ," katanya.

Perdana Menteri juga berharap Tan Sri Abdul Halim dapat menambah jumlah itu kepada RM200 bilion.

"Ini bukan mustahil. Di negara lain, mungkin mustahil, tetapi tidak di negara ini," katanya tanpa mengulas lanjut.

Sementara itu, Abdul Halim dalam ucapan balasnya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan juga warga perkhidmatan awam yang telah banyak membantunya menjayakan jentera perkhidmatan awam.

Beliau turut memberi beberapa cadangan bagi memantapkan jentera perkhidmatan awam seperti jabatan terus mengamalkan konsep mesra pelanggan dan kakitangan terus berpegang teguh prinsip "neutral".

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri kabinet dan Tan Sri Samsudin.

-- BERNAMA

NZ FAZ